

NO. SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 16 MAC 2016

RUJUKAN : 8600

SOALAN:

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan sama ada Ahli Parlimen Petaling
Jaya Utara merupakan seorang saksi membantu polis dalam
siasatan kes kanun jenayah 124B, atau merupakan seorang suspek
dalam siasatan tersebut.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Seksyen 124B Kanun Keseksaan adalah satu daripada kesalahan keselamatan iaitu “aktiviti yang memudaratkan demokrasi parlimen”. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk mendedahkan dengan lebih lanjut berkenaan perkara ini memandangkan ianya melibatkan isu keselamatan negara dan masih lagi di dalam siasatan pihak polis.